

16 JAN 2001

Buku-Mahathir/I

BUKU MENGENAI DR MAHATHIR DILANCAR PADA KHAMIS

Oleh: D. Arul Rajoo

OSAKA, 16 Jan (Bernama) -- "Voice from Asia to Japan", sebuah buku mengandungi siri rencana tulisan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tersiar dalam akhbar Jepun Mainichi Shimbun, akan dilancarkan di sini Khamis ini.

Perdana Menteri sendiri akan melancarkan buku itu dalam bahasa Jepun dan Inggeris sempena lawatan empat hari beliau ke negara ini, kata penulisnya Akiko Kato di sini.

"Impian saya selama 17 tahun sudah menjadi kenyataan. Tujuan utama saya menjadi wartawan ialah agar mendapat peluang menemu bual Dr Mahathir, seorang pemimpin yang saya amat kagumi sejak saya di universiti," katanya.

Kato, yang telah berkhidmat selama 20 tahun dengan akhbar itu dan kini merupakan ketua bironya di Hong Kong, berkata idea untuk menulis buku mengenai Dr Mahathir timbul selepas dia membaca buku "The Malay Dilemma" karya perdana menteri.

"Saya terkejut membaca apa yang beliau tulis dalam buku itu, mengenai perbezaan kaum dan lain-lain...kami tidak alaminya di sini," katanya.

Kato berkata temu bual pertamanya dengan Dr Mahathir ialah pada Mei 1998 tetapi ilham untuk menulis satu siri rencana timbul selepas Malaysia mengalami tempoh yang sukar semasa krisis ekonomi Asia.

Ketika itu, katanya, Malaysia "amat tertekan" akibat penangkapan Datuk Seri Anwar Ibrahim manakala media asing menghasilkan laporan berdasarkan pendapat dan agenda tersendiri.

"Untuk sekian lamanya, saya ingin menulis tentang Malaysia daripada perspektif lain. Saya kemukakan cadangan ini kepada perdana menteri dan beliau setuju," katanya.

Menurutnya, Dr Mahathir sedang mencari platform untuk menulis sendiri bagi menceritakan tentang keadaan sebenar dan mengemukakan pendapat beliau yang bernas itu tentang keadaan di dunia ini.

Kato berkata keseluruhan rantau ini ketika itu mengalami krisis ekonomi paling teruk tetapi Dr Mahathir seorang saja pemimpin Asia yang mampu mengupas masalah selain menyediakan idea dan analisis.

Dalam mengendalikan temu bual itu, Kato berulang-alik ke Kuala Lumpur setiap bulan sejak Disember 1998. Rencana-rencana itu yang bertajuk "Dr Mahathir's World Analysis" disiarkan setiap bulan mulai Februari 1999 sehingga Jun tahun lepas.

"Biasanya saya berada seminggu di sana dan temu bual itu berlangsung selama satu jam. Saya akan berikan deraf kepadanya dan beliau akan menulis semula," kata Kato yang juga menterjemah rencana itu untuk buku dalam versi Jepun.

Dr Mahathir telah menceritakan mengenai zaman kecilnya dan bagaimana beliau dibesar, mengenai orang Melayu, pelampau Islam serta jiran-jiran Malaysia selain lawatannya ke Jepun dan China.

Kato berkata Dr Mahathir juga berkongsi pendapat tentang isu-isu seperti globalisasi dan kenapa beliau sukakan Jepun serta sebab Dasar Pandang ke Timur dilaksanakan.

Beliau berkata rakyat Jepun memberi sambutan baik terhadap rencana-rencana itu kerana Dr Mahathir berfikiran jauh dan bijak membuat analisis.

"Kami tidak mempunyai ahli politik sebijak beliau di sini," kata Kato secara berseloroh.

Buku itu dijual mulai bulan lepas pada harga Yen 1,700 (kira-kira

RM54).

-- BERNAMA

AR MAI